

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

1. Nyatakan jumlah pelaburan asing yang diterima oleh Pulau Pinang dan berapa peratuskah daripadanya dilaburkan di kawasan Seberang Perai mulai suku tahun 2024 hingga bulan Mac 2025?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Jumlah Pelaburan Asing Langsung (FDI) yang diterima oleh Pulau Pinang bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM13.0 bilion, yang melibatkan kawasan Seberang Perai, termasuk Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Namun, data bagi suku pertama tahun 2025 masih belum dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Oleh itu, maklumat terkini mengenai jumlah pelaburan yang diterima dan peratusannya yang dilaburkan di kawasan Seberang Perai untuk tempoh tersebut akan dikemaskini setelah data rasmi dikeluarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)(XXVI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

2. Apakah kesan tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap ekonomi Kerajaan Negeri?
- (a) Apakah sektor yang paling terjejas akibat tarif ini di peringkat negeri?
 - (b) Apakah langkah mitigasi yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani kesan ini?
 - (c) Apakah langkah-langkah untuk membantu industri mikroelektronik dan nanoteknologi?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. (a) **Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:**

Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024. Justeru,

pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

(b) Kesan kepada Pulau Pinang:-

(i) Pemain Industri

Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.

Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta-merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*) masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rangkaian bekalan.

Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait-and-see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan dan perancangan jangka panjang.

(ii) Sektor Elektrik dan Elektronik

Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.

(iii) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan

mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu, PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk bersaing dalam kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

(iv) Industri Semikonduktor

Pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

(v) Pelaburan

Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rantai bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

(c) Sejauh manakah Kerajaan Negeri bersedia membantu syarikat tempatan menyesuaikan strategi dagangan?

Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan
- (ii) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi-sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperolehi turut dikongsikan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

(d) Apakah insentif atau pelan mitigasi yang telah dirangka bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat?

Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri pada sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan

mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:

- (i) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);
- (ii) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;
- (iii) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia,

khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan

- (iv) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.

(e) Perkembangan/Analisi Terkini:

Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk “Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika Syarikat Akan Dikekalkan” menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan teretusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan AS berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, The Star juga pada 15 Mei 2025 bertajuk “Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantai bekalan” menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi AS dan China yang dikatakan ‘reda’ buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan

bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi "China+1" untuk mempelbagaikan rantai bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara AS dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantai bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidaktentuan semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari ini, dengan menanggungkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara AS dan China.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

3. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha memulihkan rizab kewangan negeri?
- (a) Adakah terdapat pelan penjanaaan hasil baharu atau pelaburan strategik?
 - (b) Bagaimanakah keberkesanan kawalan perbelanjaan semasa dinilai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri cakna akan keperluan meningkatkan rizab kewangan negeri atau lebih tepat merujuk kepada Akaun Hasil Disatukan (AHD) Negeri. Dalam hubungan ini, Jabatan Kewangan Negeri sentiasa memantau kedudukan AHD dan memaklumkan YAB Ketua Menteri selaku Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kewangan, serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kerajaan Negeri sudah tentu menggariskan langkah-langkah strategik sebagai usaha memulihkan kedudukan AHD.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kewangan Negeri telah melaksanakan semakan semula atau *revisit* ke atas hasil negeri dalam dua (2) perspektif. Perspektif pertama adalah meningkatkan kutipan hasil negeri sedia ada, termasuk tunggakan hasil melalui kaedah *data cleansing* dan semakan semula kadar yang tidak relevan; manakala perspektif kedua adalah melalui pengenalpastian sumber dan kaedah janaan hasil baharu negeri, termasuklah semakan kadar cukai tanah dan pengkelasan desa ke bandar serta pemerkasaan Unit dan

Badan Berkanun Negeri bagi membolehkan kutipan hasil baru dilaksanakan.

- (b) Keberkesanan kawalan perbelanjaan semasa dinilai berdasarkan prestasi perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan yang diluluskan. Dalam hal ini, setiap Jabatan diberikan peruntukan yang terhad berasaskan prinsip *Zero-Based Budgeting* di mana setiap cadangan program dan aktiviti perlu disokong oleh justifikasi yang kukuh, terutama dalam bentuk *outcome* dan nilai untuk wang atau *value for money*, tanpa melihat kepada sejarah perbelanjaan terdahulu. Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu memastikan perbelanjaan yang dilaksanakan pada peringkat Jabatan memenuhi tujuan peruntukan diluluskan semasa sesi pemeriksaan bajet mengurus dan pembangunan. Pada masa yang sama, keberkesanan kawalan perbelanjaan dilaporkan pada beberapa medium mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

4. Apakah rancangan Kerajaan Negeri mengenai pembangunan di kawasan Bagan Dalam sejajar dengan pembinaan UTC dan LRT ke Butterworth?
- (a) Penambahan sistem pengangkutan awam untuk menampung pengguna pengangkutan awam dan memaksimumkan penggunaan kaunter UTC.
 - (b) Penambahan keselamatan di kawasan pembangunan ini.
 - (c) Mendirikan papan tanda digital yang baru untuk membantu navigasi pelancong.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030, beberapa kawasan di Bagan Dalam terletak dalam kawasan sempadan pembangunan *Transit Oriented Development* (TOD) dan *Central Business District* (CBD) serta pemaju diberi insentif peningkatan densiti dan nisbah plot bagi menyokong pembinaan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Transit Aliran Ringan(LRT) kelak.
- (a) Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Rapid Penang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Seberang Perai, khususnya di kawasan Bagan Dalam. Usaha ini merangkumi penambahan laluan bas baharu, pengoptimuman laluan sedia ada serta penyesuaian jadual

perjalanan bagi memastikan jaringan pengangkutan awam lebih menyeluruh dan mampu memenuhi keperluan pengguna ke kawasan UTC dan stesen LRT pada masa hadapan.

- (b) Bagi penambahan keselamatan di kawasan pembangunan Bagan Dalam, terdapat perancangan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) untuk memasang sistem kamera litar tertutup (CCTV) di jajaran laluan LRT dan di kawasan stesen. Inisiatif ini bertujuan untuk memantau pergerakan pengguna, meningkatkan kecekapan tindak balas kecemasan, serta mewujudkan persekitaran yang lebih selamat kepada penduduk dan pelawat.
- (c) Pemasangan papan tanda digital secara amnya dilaksanakan di jalan-jalan utama yang berada di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Lokasi dan kesesuaian pemasangan papan tanda digital ini akan diteliti apabila keseluruhan butiran terperinci perancangan selesai dan dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

5. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai plan memperkenalkan Skim Gaji Hidup Minimum (Living Wage) di kawasan kos tinggi?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Setakat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang **tidak bercadang** untuk memperkenalkan **Skim Gaji Hidup Minimum (Living Wage)** di kawasan berkost tinggi. **Dasar berkaitan gaji minimum** adalah di bawah **bidang kuasa Kerajaan Persekutuan** melalui Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN). Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 yang menetapkan **kadar gaji minimum baharu sebanyak RM1,700** sebulan, berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025. Kerajaan Negeri turut menerima pakai penetapan gaji tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

6. Apakah status pelaksanaan program padanan pekerjaan *job matching* antara graduan dari syarikat di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan jumlah pekerjaan yang ditawarkan.
 - (b) Senaraikan jumlah graduan yang memohon.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Program padanan pekerjaan antara graduan dan syarikat di Pulau Pinang terus berkembang melalui pelbagai inisiatif seperti *Penang Career Assistance and Talent Centre* (Penang CAT Centre) dan portal *MYFutureJobs* yang dikendalikan oleh PERKESO. *Penang CAT Centre*, yang ditubuhkan pada 2009, berfungsi sebagai pusat sehati untuk memadankan bakat dengan peluang pekerjaan di negeri ini. Pusat ini aktif menyertai pameran kerjaya dan dialog dengan pihak berkepentingan bagi memperkasa inisiatif berkaitan sumber manusia kepada pencari kerja. Sejak penubuhannya, *Penang CAT Centre* telah berjaya memadankan ramai individu dengan peluang pekerjaan di Pulau Pinang. Selain itu, *Penang CAT Centre* turut bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk meningkatkan kesedaran mengenai peluang kerjaya di negeri ini. Program seperti *Campus Brew Expedition 2024* membantu pelajar mengenal pasti industri yang berkembang dan peluang kerjaya yang ada.
- (a) Portal *MYFutureJobs* juga memainkan peranan penting dengan menyediakan platform bagi pencari kerja untuk berinteraksi dengan majikan dan memohon jawatan yang sesuai. Karnival

Kerjaya *MYFutureJobs* di Pulau Pinang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan bergantung pada acara, antaranya lebih 2,500 jawatan pada tahun 2024, lebih 7,000 jawatan pada karnival bersama Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023, hampir 15,000 jawatan pada 2023, dan 3,600 jawatan di Jawi pada Mac 2023.

- (b) Sejak penubuhannya pada Mac 2009, Pusat CAT telah mendaftarkan seramai 10,205 pemohon pekerjaan dan berjaya memadankan 6,430 individu dengan jawatan yang ditawarkan oleh industri, dengan kadar kejayaan padanan sebanyak 63%. Pada 19 dan 20 April 2025, Karnival Kerjaya *MYFutureJobs* diadakan di Pulau Pinang, yang mana telah menawarkan peluang temu duga terbuka kepada graduan. Walaupun tiada maklumat tepat dan spesifik mengenai jumlah pekerjaan yang ditawarkan dan jumlah graduan yang memohon, kedua-dua inisiatif ini menunjukkan usaha berterusan dalam memadankan bakat dengan keperluan industri di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

7. Apakah tindakan atau pelan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pengambilan pekerja buruh asing dan meningkatkan peluang pekerjaan bagi pekerja tempatan di industri perkilangan pembuatan?
- (a) Peratus sektor perindustrian yang telah menggunakan bantuan AI untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing.
 - (b) Adakah kerajaan memberikan inisiatif untuk menambah pengeluaran dengan mengurangkan tenaga kerja manusia?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pelbagai langkah strategik untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor perkilangan dan pada masa yang sama meningkatkan peluang pekerjaan bagi pekerja tempatan. Antara usaha yang dijalankan termasuk menggalakkan penggunaan teknologi automasi dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam sektor industri.
- (a) Walaupun tiada data khusus mengenai peratusan syarikat yang telah menggunakan AI untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri melalui agensi seperti InvestPenang dan Digital Penang secara aktif mempromosikan transformasi digital melalui program seperti SME Go dan pelbagai inisiatif di bawah agenda Industri 4.0. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti industri tempatan tanpa terlalu bergantung kepada tenaga kerja manusia khususnya pekerja asing.

- (b) Kerajaan Negeri turut menyediakan pelbagai insentif dan sokongan untuk memperkukuh pembangunan modal insan. Usaha ini merangkumi kerjasama dengan institusi pendidikan dan agensi berkaitan untuk menyediakan program latihan kemahiran teknikal seperti '*Girls in Engineering & Technology*' (GET) serta penubuhan pusat pendidikan seperti '42 Penang' yang menawarkan pendidikan percuma dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyokong pertumbuhan syarikat pemula dan pelaburan dalam teknologi melalui jaringan seperti *Malaysian Business Angel Network* (MBAN), sekali gus membolehkan syarikat memperkenalkan inovasi yang dapat meningkatkan produktiviti tanpa perlu menambah jumlah pekerja.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

8. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyokong peranan komuniti dan KRT?
- (a) Berapa banyakkah KRT aktif di Bagan Dalam dan senaraikan bidang kuasanya.
 - (b) Siapakah yang akan memutuskan pelantikan dan penamatan ahli KRT yang sedia ada dan baru?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri menyokong peranan komuniti dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) melalui pelbagai inisiatif dan bantuan yang bertujuan memperkukuh keharmonian, keselamatan serta kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi. Antara bentuk sokongan yang diberikan termasuklah:
- (i) Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kewangan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, program kesedaran, sambutan perayaan dan aktiviti belia;
 - (ii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur seperti dewan komuniti, pusat aktiviti KRT dan kemudahan asas lain untuk menyokong pelaksanaan program di peringkat komuniti;

- (iii) Menganjurkan latihan dan pembangunan kapasiti seperti bengkel, kursus, dan latihan kepimpinan kepada ahli KRT dan pemimpin komuniti bagi meningkatkan kemahiran pengurusan, komunikasi, serta kepimpinan;
 - (iv) Kerajaan Negeri menjalin kerjasama dengan agensi seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk menyelaraskan program perpaduan dan integrasi;
 - (v) Menggalakkan pembentukan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan memberi sokongan logistik seperti peralatan keselamatan untuk menjaga keamanan kawasan kejiranan; dan
 - (vi) Memberi pengiktirafan kepada KRT yang aktif dan berjaya sebagai motivasi untuk terus menyumbang kepada masyarakat.
- (a) Terdapat lima (5) KRT aktif di Bagan Dalam iaitu:
- (i) KRT Bagan Dalam;
 - (ii) KRT Kg Perlis;
 - (iii) KRT Kuala Jalan Baru; dan
 - (iv) KRT Sg Puyu.
 - (v) KRT Jalan Heng Choon Tian;

Menurut Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751], Bidang Kuasa dan Tugas KRT adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan, ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan anggota masyarakat;
- (ii) Menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada Pengarah;

- (iii) Mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana;
 - (iv) Menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat; dan
 - (v) Menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.
- (b) Pelantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) KRT adalah tidak melebihi dua (2) tahun dan penamatan ahli Kawasan Rukun Tetangga (KRT) diputuskan oleh **Pengarah Rukun Tetangga** selaras dengan peruntukan di bawah **Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751)**. Kaedah pemilihan dan pelantikan AJK KRT hendaklah dilaksanakan secara mesyuarat terbuka. Dua tatacara pelantikan disediakan iaitu kaedah pelantikan KRT baharu dan kaedah pelantikan KRT sedia ada.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

9. Adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada Ahli-ahli MPKK, JPWK dan JBPP sebagai penghargaan atas khidmat mereka kepada komuniti, khususnya semasa musim perayaan dan kecemasan?
- (a) Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan skim insurans kelompok kepada Ahli MPKK, JPWK dan JBPP sebagai perlindungan kebajikan ketika melaksanakan tugas di lapangan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Cadangan ini boleh dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk kelulusan tertakluk kepada kedudukan dan prestasi kewangan semasa negeri.
- (a) Kerajaan Negeri telah menyediakan skim insurans kepada semua Ahli MPKK seramai 5625 orang sejak 2021. Skim insurans ini hanya dimaktub kepada Ahli MPKK yang mengalami kemalangan peribadi secara berkumpulan dan juga khairat kematian.

Berikut merupakan jumlah peruntukan skim insurans mengikut tahun:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2021	178,885.00
2022	178,885.00
2023	178,885.00
2024	182,260.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

10. Adakah kadar terhadap penggunaan perkhidmatan Pelabuhan Pulau Pinang (*Charges for Service CAP 2024*) akan dikaji semula dan diimplementasikan oleh kerana tarif Kerajaan Amerika Syarikat?
- (a) Bagaimanakah urusan kewangan pelabuhan dikawal untuk memastikan kenaikan harga barangan eksport dapat dikawal?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Penetapan kadar bagi penggunaan perkhidmatan Pelabuhan Pulau Pinang melalui struktur *Charges for Services (CAP 2024)* adalah berdasarkan keperluan sebenar operasi domestik dan tidak terikat atau dipengaruhi oleh sebarang perubahan dasar perdagangan luar negara, termasuk tarif yang dikenakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Struktur kadar ini dibangunkan berasaskan prinsip bayar mengikut penggunaan (*pay-per-use*), yang memastikan hanya perkhidmatan yang benar-benar digunakan akan dikenakan caj. Pendekatan ini menjamin keadilan, ketelusan dan ketepatan kos kepada pengguna pelabuhan.
- (a) Dari aspek kawalan kewangan pelabuhan untuk mengekang kenaikan harga barangan eksport, Pelabuhan Pulau Pinang telah mengekalkan kadar CAP pada tahap sedia ada sejak tahun 2021, walaupun berdepan peningkatan ketara dalam kos operasi seperti harga bahan api, utiliti, penyelenggaraan peralatan dan gaji minimum pekerja. Kestabilan ini dicapai melalui pelaksanaan langkah-langkah pengurusan dalaman yang berkesan, antaranya penjadualan kerja berdasarkan keperluan sebenar, pengoptimuman penggunaan aset sedia

ada, digitalisasi proses pengendalian serta penyusunan semula jadual penyelenggaraan mengikut keberkesanan kos.

Langkah-langkah ini membolehkan pelabuan mengekalkan struktur caj yang kompetitif, mengelakkan tekanan kos kepada pengilang dan pengeksport tempatan, serta menyumbang kepada kestabilan harga barangan eksport negara. Sebarang pertimbangan untuk menyemak semula kadar CAP hanya akan dibuat secara berhemah, berasaskan justifikasi kewangan yang kukuh dan selepas melalui proses rundingan dengan pihak industri. Pendekatan ini membuktikan komitmen pelabuan terhadap kelangsungan rantai bekalan serta peranannya dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan pelaburan negara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

11. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah peruntukan tahunan kepada ADUN selepas pelaksanaan Undi 18 yang mengakibatkan pertambahan pengundi muda?
- (a) Adakah terdapat mekanisme penilaian semula berdasarkan keperluan setempat dan jumlah penduduk?
 - (b) Bilakah kali terakhir semakan atau kenaikan peruntukan ADUN dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Kerajaan Negeri sedar mengenai kesan pelaksanaan Undi 18 yang sekali gus mengakibatkan pertambahan pengundi muda. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri terbuka untuk mengkaji semula peruntukan kepada YB ADUN berdasarkan keperluan semasa. Sungguhpun begitu, sebarang keputusan yang melibatkan implikasi kewangan perlu berdasarkan kedudukan semasa kewangan negeri serta keutamaan perbelanjaan-perbelanjaan berkanun yang lain, khususnya yang boleh memberi implikasi perundangan ke atas Kerajaan Negeri.
- (a) Kerajaan Negeri sememangnya menilai keperluan peruntukan kepada YB ADUN dari masa ke masa dan perkara ini pernah dibincangkan semasa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) seperti keperluan peruntukan tambahan atau penyusunan semula peruntukan kepada YB ADUN.

- (b) Kali terakhir peruntukan kepada YB ADUN disemak serta dinaikkan adalah pada tahun 2024 di mana Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan tambahan Bantuan Segera kepada YB ADUN Kerajaan Negeri pada suku keempat 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

12. Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu banjir kilat dan sistem saliran di Bagan Dalam?
- (a) Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan Projek RTB Sungai Nyior?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Sistem saliran di Bagan Dalam melibatkan dua (2) lembangan sungai iaitu lembangan Sungai Mak Mandin dan lembangan Sungai Nyior. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut adalah pelaksanaan projek tebatan banjir untuk lembangan Sungai Mak Mandin (Sungai Mak Mandin dan Parit Utama) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSP). Selain itu, JPSP juga telah melaksanakan kajian reka bentuk terperinci bagi mengurangkan risiko banjir di lembangan Sungai Nyior.

Bagi penyelesaian jangka pendek, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit dan kolam takungan secara berkala. MBSP juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti di kawasan *hotspot* banjir kilat dan seterusnya menjalankan kajian cadangan reka bentuk terperinci bagi tebatan banjir di kawasan taman perumahan di kawasan tersebut.

- (a) JPSP telah membuat permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1 RMK-13) bagi projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai

Nyior. Kerajaan Negeri sentiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek RTB di Pulau Pinang mendapat keutamaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

13. Berapa banyak rizab tanah Melayu di DUN Bagan Dalam?
- (a) Di manakah lokasi-lokasi berkenaan berserta saiz lokasi?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan untuk membangunkan kawasan-kawasan ini?
 - (c) Adakah mana-mana kawasan terlibat dengan pembangunan jajaran LRT ke Butterworth?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Berdasarkan maklumat Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai tanah yang diwartakan sebagai Rizab Melayu. Sehubungan itu, tiada sebarang tanah berstatus Rizab Melayu di kawasan DUN Bagan Dalam.

Soalan (a) dan (b) adalah tidak berkaitan.

- (c) Buat masa kini, kawasan yang terlibat dalam jajaran Projek LRT ke Butterworth masih dalam perancangan dan belum dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

14. Bilakah Kerajaan Negeri akan memperluas laluan bas mini atau shuttle untuk menghubungkan kawasan perumahan di DUN Bagan Dalam ke Penang Sentral?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri melalui operator Rapid Penang telah memulakan perkhidmatan percubaan *Rapid Penang On-Demand* (ROD) di kawasan Bagan Dalam bermula pada 15 Mac 2025. Perkhidmatan ini melibatkan penggunaan enam (6) buah van dan meliputi kawasan dalam radius empat (4) kilometer, termasuk Bagan Dalam, Bagan Luar, Chain Ferry, Penang Sentral, Sunway Carnival, dan Megamall.

Matlamat utama perkhidmatan ini ialah untuk menyediakan penyelesaian mobiliti fleksibel kepada penduduk, khususnya di kawasan yang tidak diliputi oleh laluan bas tetap. Ia berfungsi sebagai penyambung "*first mile*" dan "*last mile*" ke hab pengangkutan utama seperti Penang Sentral, sama ada melalui sambungan ke laluan bas Rapid Penang atau secara terus ke destinasi dalam zon ROD.

Pihak Rapid Penang sebagai operator ROD akan terus memantau permintaan dan prestasi perkhidmatan ini, dan bersedia mempertimbangkan peluasan liputan atau penambahbaikan berdasarkan maklum balas pengguna dan kesesuaian operasi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

15. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk bas mesra alam untuk mengurangkan pencemaran alam?
- (a) Pacuan bas menggunakan tenaga elektrik (EV bus).
 - (b) Pacuan bas menggunakan tenaga gas.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Pihak Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menggunakan bas mesra alam untuk mengurangkan pencemaran alam melalui pelaksanaan inisiatif mobiliti rendah karbon bagi sektor pengangkutan. Pelaksanaan inisiatif mobiliti rendah karbon bagi sektor pengangkutan yang telah dilaksanakan oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) adalah termasuk merangka pelan strategi bas elektrik dengan sasaran pengoperasian 100 buah bas elektrik pada tahun 2025.

Prasarana telah melaksanakan tindakan bagi menjayakan program perolehan 100 unit bas elektrik berserta sistem pengecasan dan menaiktaraf infrastruktur. Program perolehan bas elektrik ini adalah termasuk 10-unit bas elektrik untuk Rapid Penang di Hub Weld Quay.

Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa program perolehan ini masih berlangsung dan perkembangannya akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

- (a) Pacuan bas menggunakan tenaga elektrik (EV bus) tidak menghasilkan pelepasan ekzos, membantu mengurangkan pencemaran udara dan kesan juga rumah hijau. Selain itu, kos tenaga elektrik adalah lebih rendah berbanding bahan api fosil, dan bas EV memerlukan penyelenggaraan yang lebih minima. Sistem enjin EV bus juga lebih senyap sekaligus dapat meningkatkan keselesaan penumpang dan mengurangkan pencemaran bunyi di kawasan bandar.

Walaupun bagaimanapun, kos permulaan bagi EV bus adalah tinggi di mana infrastruktur pengecasan perlu disediakan terlebih dahulu di samping kos pembelian EV bus yang mahal. Kos yang tinggi ini boleh menjadi halangan kepada sistem pengangkutan awam yang mempunyai bajet terhad. Selain itu, EV bus mempunyai jarak perjalanan yang terhad bergantung kepada kapasiti bateri bagi melengkapkan perjalanan terutamanya untuk laluan yang panjang atau berbukit.

- (b) Pacuan bas menggunakan tenaga gas biasanya lebih murah untuk dibeli berbanding bas EV dan boleh beroperasi lebih lama sebelum perlu diisi semula, sesuai untuk laluan yang panjang. Walaupun bas tenaga gas lebih hijau berbanding bas diesel, bas tenaga gas masih menghasilkan pelepasan karbon dioksida dan pencemar lain. Selain itu, bas tenaga gas memerlukan penyelenggaraan berkala yang lebih kerap berbanding bas EV.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

16. Apakah status terkini perkhidmatan Penang Free WiFi di kawasan Bagan Dalam?
- (a) Berapakah lokasi aktif yang beroperasi?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah liputan atau naik taraf kelajuan internet sedia ada?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Perkhidmatan Penang Free Wifi (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan penduduk di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pada 13 Februari 2019, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap *bandwidth* dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.

Soalan (a) adalah tidak berkenaan kerana perkhidmatan PFW di Negeri Pulau Pinang telah ditamatkan pada 13 Februari 2019.

- (b) Kerajaan Negeri komited dalam menambah baik liputan internet termasuk menaik taraf kelajuan internet. Sehingga suku keempat 2024, liputan 4G meliputi 99.98% di kawasan berpenduduk. Manakala bagi 5G, sebanyak 92.00% di

kawasan berpenduduk telah dicapai. Bagi kelajuan internet, data terkini adalah seperti di jadual:

Rangkaian	Peratus Liputan (%)	Mbps
4G	99.98	51.74
5G	92.00	240

Kerajaan Negeri akan terus menambah baik liputan dan kelajuan internet dari semasa ke semasa dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan semua pemain industri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

17. Adakah Kerajaan Negeri akan memperkenalkan skim rent-to-own (RTO) di Bagan Dalam?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan skim ini diperluas bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri?
 - (b) Adakah terdapat perancangan untuk menambah bilangan unit rumah di bawah skim ini khusus di Bagan Dalam, selaras dengan keperluan setempat?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Dalam memastikan pemilikan perumahan sentiasa mencukupi untuk rakyat Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Skim Sewa Beli (*Rent To Own* - RTO). Skim RTO ini dapat membantu pemohon unit rumah mampu milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) yang sukar mendapatkan pinjaman bank komersial bagi memiliki rumah.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 di bawah sasaran kedua dalam Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan, sasaran pembekalan unit RMKu bagi Skim RTO adalah sebanyak 22,000 unit menjelang tahun 2030. Sehingga tarikh berakhir 20 April 2025, sebanyak 5,096 unit bersamaan dengan 25.48% telah disenaraikan untuk ditawarkan secara RTO.

- (b) Pada masa kini, tiada cadangan projek pembangunan RMKu di DUN Bagan Dalam yang akan ditawarkan secara RTO. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa akan mengkaji keperluan Skim RTO di lokasi-lokasi yang bersesuaian di Pulau Pinang bagi memastikan pembekalan unit RMKu sentiasa mencukupi untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

18. Apakah keberkesanan Pusat Ekonomi Digital (NADI) dalam membantu komuniti di Bagan Dalam?
- (a) Berapakah pengguna aktif NADI Bagan Dalam setakat bulan April 2025 dan inisiatif NADI untuk meningkatkan keusahawanan digital dalam kalangan penduduk?
 - (b) Nyatakan sebab tiadanya kolaborasi antara NADI dan Pejabat ADUN Bagan Dalam dalam program yang dilaksanakan oleh NADI?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Pusat Ekonomi Digital (NADI) memainkan peranan penting dalam memperkasakan komuniti setempat khususnya dalam aspek pendigitalan, pendidikan, dan keusahawanan. Antara keberkesanan utama NADI Bagan Dalam yang dapat dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) Akses kepada kemudahan digital:

NADI menyediakan kemudahan capaian internet dan komputer kepada penduduk tempatan, khususnya golongan B40 dan pelajar, bagi membolehkan mereka mengakses maklumat, mengikuti kelas dalam talian dan membuat urusan digital harian.

(ii) Peningkatan literasi dan kemahiran digital:

Melalui pelbagai latihan asas ICT, penggunaan aplikasi atas talian dan keselamatan siber, komuniti setempat telah didedahkan kepada kemahiran digital yang penting dalam kehidupan seharian dan dunia pekerjaan.

(iii) Pemerkasaan usahawan tempatan:

Program keusahawanan digital seperti eUsahawan dan eRezeki telah membantu penduduk memulakan perniagaan atas talian, meningkatkan hasil jualan serta membina jenama sendiri di platform digital.

(iv) Pusat komuniti dan kerjasama sosial:

NADI juga menjadi tempat pertemuan dan penganjuran program komuniti termasuk bengkel kerjaya, program belia dan sesi bersama agensi kerajaan — menjadikan ia sebuah hab digital komuniti yang aktif.

Secara keseluruhannya, keberadaan NADI di Bagan Dalam telah berjaya merapatkan jurang digital, menggalakkan ekonomi digital tempatan, serta memperkukuh jaringan komuniti melalui penggunaan teknologi.

(v) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data rasmi pengguna yang aktif dan belum menerima data dari MCMC.

Pusat NADI Bagan Dalam telah melaksanakan beberapa inisiatif keusahawanan digital, antaranya:

(1) Latihan eUsahawan dan eRezeki anjuran MDEC untuk membantu komuniti menjana pendapatan secara atas talian;

(2) Program bimbingan digital untuk perniagaan mikro dan perusahaan kecil (PKS) dalam kalangan belia dan wanita;

(3) Bantuan promosi dan pemasaran digital melalui platform media sosial dan e-dagang tempatan; dan

- (4) Penganjuran mini bazar digital dan sesi jualan secara langsung (*live*) melalui saluran digital NADI.

Inisiatif ini telah membantu melahirkan beberapa usahawan tempatan yang kini aktif menjual produk secara atas talian.

- (b) Sehingga kini, belum ada kolaborasi rasmi antara NADI dan Pejabat ADUN Bagan Dalam dalam pelaksanaan program. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah:

- (i) Perbezaan saluran perancangan program – NADI berada di bawah seliaan kementerian/agensi persekutuan (seperti K-KOMM atau MDEC), manakala program di bawah Pejabat ADUN beroperasi berdasarkan perancangan negeri.
- (ii) Tiada mekanisme penyelarasan khusus antara pengurusan NADI dan Pejabat ADUN untuk tujuan perancangan bersama.
- (iii) Kekangan sumber tenaga kerja dan masa oleh pengurus NADI yang terhad, memfokuskan kepada program wajib yang digariskan oleh kementerian.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan negeri menyambut baik cadangan untuk mewujudkan kerjasama lebih erat antara Pusat NADI dan Pejabat ADUN bagi manfaat rakyat. Usaha sedang dijalankan untuk memperkenalkan mekanisme penyelarasan komuniti digital di peringkat daerah agar semua pihak berkepentingan dapat menyelaraskan aktiviti dan peranan secara bersepadu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

19. Apakah pelan strategik di dalam perancangan untuk menguruskan pembinaan LRT ke Penang Sentral?
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri mengemukakan cadangan untuk melaksanakan operasi Mutiara Fasa 1 dan Fasa 2 secara serentak memandangkan terdapat perancangan pembangunan pesat di kawasan Bagan khususnya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. LRT Laluan Mutiara yang dilaksanakan oleh MRT Corporation merupakan jajaran bertingkat sepanjang 29.5 kilometer yang akan menghubungkan kawasan utama Pulau Pinang dan Seberang Perai. Penjajaran asasnya bermula dari Pulau Silikon ke KOMTAR dan seterusnya juga ke Penang Sentral. Sebanyak 20 stesen ditempatkan secara strategik untuk menghubungkan kawasan-kawasan utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, FIZ, SPICE, Penang Waterfront, KOMTAR dan Penang Sentral.
- (a) Perancangan bagi pembinaan LRT terbahagi kepada Segmen 1 dan 2, di mana kedua-duanya akan berjalan dengan serentak, tertakluk kepada kelulusan-kelulusan pihak berkuasa. Segmen 1 adalah jajaran dari Pulau Silikon ke KOMTAR melalui Macallum dan Segmen 2 adalah dari Macallum ke Penang Sentral.

Penjajaran akan bermula dari Pulau Silikon yang merangkumi dua stesen terminal, iaitu di KOMTAR dan Penang Sentral.

Kedua-dua laluan ini akan beroperasi secara selari menerusi penjadualan bergilir (alternate schedule) untuk memastikan perjalanan yang lebih lancar dengan masa perjalanan yang optimum.

Kedua-dua perkhidmatan tren akan melalui sebanyak 19 stesen di sepanjang jajaran utama dari Pulau Silikon hingga ke Macallum sebelum laluan bercabang secara berasingan ke KOMTAR atau Penang Sentral.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

20. Adakah program latihan kemahiran seperti TVET yang ditawarkan kepada belia di Bagan Dalam?
- (a) Berapa ramaikah belia telah menyertainya setakat ini?
 - (b) Apakah impak program tersebut terhadap kebolehpasaran belia?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Terdapat pelbagai program latihan kemahiran berasaskan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) yang ditawarkan untuk memperkasakan belia di Pulau Pinang, khususnya buat belia dan penduduk di Bagan Dalam. Antara inisiatif utama termasuk Program Latihan Kompetensi Kemahiran anjuran Zakat Pulau Pinang bersama Akademi Binaan Malaysia yang menawarkan kursus seperti *Mobile Crane* dan *Hydraulic Excavator* lengkap dengan penginapan, makan minum, elaun dan pakaian keselamatan. Selain itu, Karnival TVET & Kerjaya Bumiputera Pulau Pinang anjuran Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) turut memberikan pendedahan kepada anak muda mengenai pelbagai peluang kerjaya dalam bidang teknikal dan vokasional. Program-program seperti ini membuktikan komitmen berterusan untuk menarik penyertaan belia dalam bidang kemahiran yang relevan dengan industri.
- (a) Dari segi penyertaan, walaupun tidak secara spesifik bagi satu-satu kawasan di Pulau Pinang, secara keseluruhan jumlah pelajar yang menyertai bidang TVET meningkat

kepada lebih 423,000 peserta pada tahun 2024 berbanding 407,000 pada 2023, menunjukkan trend peningkatan minat dalam kalangan belia.

- (b) Dari aspek impak, program TVET telah memberi kesan positif yang ketara terhadap kebolehpasaran graduan, dengan kadar kebolehpasaran nasional kini mencecah 94.5%, manakala program di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) mencatat kadar setinggi 98.7% kerana kursus-kursus yang ditawarkan disesuaikan dengan keperluan industri semasa. Di Pulau Pinang khususnya, tumpuan diberikan kepada industri bernilai tinggi seperti elektrik dan elektronik, sejajar dengan pembangunan kawasan perindustrian di Batu Kawan dan projek *Silicon Island*. Ini bukan sahaja meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan belia tempatan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dengan menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan industri. Secara keseluruhannya, program TVET di Pulau Pinang, termasuk di Bagan Dalam, memainkan peranan penting dalam memperkukuh kemahiran belia, meningkatkan kebolehpasaran mereka dan menyokong kemajuan ekonomi negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

21. Isu kekurangan tanah RIBI di Pulau Pinang memandangkan kewujudan permintaan yang tinggi.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri mengenal pasti tapak RIBI bersepadu yang baru di setiap daerah di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah pemantauan terhadap pemaju yang memberi caruman wang yang tidak setimpal dengan lokasi tanah baru?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Untuk makluman, setakat ini Kerajaan Negeri belum mengenal pasti tapak baru yang boleh dijadikan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) bersepadu mengikut daerah atas faktor kekangan tanah yang terhad dan keperluan RIBI di Negeri Pulau Pinang. Namun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat komited dengan penyediaan tapak RIBI sebagai fokus utama melalui beberapa sesi perbincangan dengan Pejabat Daerah dan Tanah untuk mendapatkan inventori data tanah yang sesuai boleh digunakan bagi tujuan keagamaan.
- (b) Caruman wang yang dibayar oleh pemaju bagi menggantikan tapak RIBI yang tidak dapat disediakan secara fizikal adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kadar penilaian semasa harga tanah di lokasi yang dibangunkan. Buat masa ini, tiada pemantauan terhadap pemaju kerana tiada mana-mana pemaju yang membayar caruman wang yang tidak setimpal dengan kadar harga semasa mengikut lokasi tapak cadangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

22. Apakah pendirian Kerajaan Negeri bagi memastikan tanah RIBI diberikan kepada RIBI yang wujud sebelum Kanun Tanah Negara 1965 atau yang lebih 100 tahun?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tapak baharu yang ditawarkan oleh pemaju setimpal dari segi nilai, keluasan dan kesesuaian untuk pembinaan semula RIBI?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang telah beroperasi sebelum penguatkuasaan Kanun Tanah Negara 1965 atau yang telah wujud lebih daripada 100 tahun perlu diberikan pertimbangan sewajarnya berdasarkan tempoh kewujudan, rekod pendaftaran dan kelulusan bangunan. Sekiranya pendudukan tanah adalah sah, maka wajar untuk mempertimbang pengiktirafan dan pemberimilikan tanah kepada RIBI tersebut, memandangkan nilai sejarah dan warisan yang dimiliki.
- (a) Bagi tapak tanah yang melibatkan pembangunan oleh pihak pemaju, setiap tapak yang ditawarkan oleh pihak pemaju akan diteliti secara menyeluruh oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum diluluskan di peringkat Kebenaran Merancang (KM) PBT. Penilaian ini dibuat bagi memastikan tapak baharu memenuhi kriteria berikut:
- (i) Lokasi yang sesuai dan mudah diakses oleh penganut;

- (ii) Keluasan yang mencukupi untuk menampung fungsi dan aktiviti keagamaan RIBI;
- (iii) Nilai tanah yang setimpal; dan
- (iv) Kemudahan asas dan sokongan infra seperti bekalan utiliti dan akses keluar masuk.

Pihak Kerajaan Negeri juga akan menubuhkan satu jawatankuasa khas dan mewujudkan sebuah dasar khusus sebagai garis panduan untuk memastikan semua kriteria tersebut dicapai. Ia juga untuk memastikan agar setiap keputusan yang dibuat oleh pihak jawatankuasa adalah lebih menyeluruh, adil dan mengambil kira sensitiviti serta keperluan agama bukan Islam di negeri ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

23. Adakah kajian keperluan perkhidmatan bas percuma untuk meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan telah dilaksanakan?
- (a) Adakah kajian ini merangkumi mengurangkan penggunaan kenderaan petrol dan diesel telah diambil kira?
 - (b) Nyatakan anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri yang telah digunakan pada tahun 2024 hingga bulan Mac 2025 untuk kajian pelaksanaan tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan program bas percuma seperti berikut:
- i. Bas Percuma (*Congestion Alleviation Transport*) (CAT) Bridge Laluan Seberang Jaya – Bayan Lepas (termasuk kawasan perindustrian FTZ);
 - ii. Bas Percuma (*Congestion Alleviation Transport*) (CAT) Bridge Laluan Bukit Mertajam – Komtar;
 - iii. Bas Percuma (*Central Area Transit*) (CAT) George Town oleh pihak MBPP;
 - iv. Perkhidmatan (*Bridge Express Shuttle Transit*) (BEST) KOMTAR khusus untuk penjawat awam dengan bayaran nominal; dan

- v. Pembiayaan Pas Mutiara My50 yang menjadikan semua bas kendalian Rapid Penang percuma di semua laluan dengan penggunaan Pas Mutiara.

Kajian keperluan perkhidmatan bas percuma CAT Bridge dilaksanakan pada awal permulaan perkhidmatan ini. Kajian keperluan perkhidmatan susulan terbaru yang dilaksanakan adalah pada tahun 2023. Manakala bagi perkhidmatan CAT George Town, bancian dilaksanakan oleh pihak MBPP.

Kajian kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan BEST KOMTAR telah dilaksanakan pada awal tahun 2025 manakala Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan bagi Pas Mutiara dilaksanakan pada tahun 2024.

- (a) Kajian keperluan perkhidmatan ini tidak merangkumi pengurangan penggunaan kenderaan petrol dan diesel.
- (b) Kerajaan Negeri tidak menggunakan sebarang peruntukan untuk melaksanakan kajian-kajian keperluan perkhidmatan ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

24. Apakah persediaan Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong ke Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Malaysia 2026?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan tambang terus ke Pulau Pinang untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026?
 - (b) Bilakah promosi akan dimulakan?
 - (c) Apakah langkah-langkah untuk memastikan setiap lokasi pelancongan berada dalam keadaan selamat?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 adalah kempen oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui agensinya Tourism Malaysia. Langkah-langkah persiapan yang diambil oleh Tourism Malaysia (TM) bagi kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) bagi menarik lebih banyak pelancong ke Malaysia adalah dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi berkonsepkan kesedaran mengenai Kempen VM2026 secara agresif di dalam dan luar negara. Selain itu, TM juga memperkasakan kerjasama dengan lain-lain kementerian untuk memastikan tahap infrastruktur dan kemudahan pelancong dapat diutamakan.

Kerajaan Negeri juga menjalankan beberapa inisiatif bagi menyokong kempen VM2026. Antaranya ialah:

- (i) Pembangunan destinasi baharu dan naik taraf lokasi pelancongan sedia ada, termasuk:
 - 1) Gurney Bay (ruang rekreasi tepi laut berkonsepkan taman dan kulinari);
 - 2) Taman Pantai Bagan Luar di Butterworth;
 - 3) Projek-projek eko-pelancongan di *Penang Hill Biosphere Reserve*; dan
 - 4) Galakan kepada sektor swasta untuk membangunkan hotel, galeri seni dan produk pelancongan kreatif.
- (ii) Kempen Promosi Global Berskala Besar
 - 1) Penyertaan dalam pameran pelancongan antarabangsa dan domestik;
 - 2) Kempen media digital dan sosial bersama pempengaruh, penerbit kandungan dan media antarabangsa; dan
 - 3) Penganjuran program *Familiarisation Trip* (FAM trip) bagi ejen pelancongan dan wartawan luar negara.
- (iii) Peningkatan Akses Udara dan Sambungan Antarabangsa Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Malaysia Airports dan syarikat penerbangan untuk:
 - 1) Mengekalkan penerbangan terus yang sedia ada
 - 2) Mewujudkan lebih banyak penerbangan terus; dan
 - 3) Meningkatkan kekerapan penerbangan sedia ada.
- (iv) Penganjuran Acara Antarabangsa Berprestij
 - 1) *George Town Festival*;

- 2) *Penang International Food Festival (PIFF)*;
 - 3) *Penang International Dragon Boat Regatta*; dan
 - 4) Sukan & maraton antarabangsa (*Penang Bridge International Marathon*)
- (a) Kerajaan Negeri melalui agensinya *Penang Global Tourism (PGT)* dan *Penang Convention and Exhibition Bureau (PCEB)* sentiasa menjalankan usaha berterusan bagi menambah bilangan penerbangan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) melalui jerayawara yang dibuat dan disertai mereka. Bagi tujuan VM2026, inisiatif ini masih giat diteruskan sebagai langkah bagi memudahkan perjalanan pelancong ke Pulau Pinang. Namun begitu, usaha ini turut perlu diselaraskan bersama projek pembesaran PIA yang sedang berjalan.

Antara laluan baharu yang diperkenalkan adalah:

- (i) Yangon – Pulau Pinang: Myanmar Airways International (MAI) telah melancarkan penerbangan terus dua (2) kali seminggu antara Yangon dan Pulau Pinang pada April 2025. Laluan ini dijangka meningkatkan pelancongan dan hubungan budaya antara kedua-dua destinasi.
 - (ii) Chengdu – Pulau Pinang: Sichuan Airlines telah memulakan penerbangan terus antara Chengdu dan Pulau Pinang, memperkukuh hubungan pelancongan antara Malaysia dan China serta menyokong objektif VM2026.
 - (iii) Chennai – Pulau Pinang: Penerbangan terus dari Chennai ke Pulau Pinang telah membantu meningkatkan ketibaan pelancong India.
- (b) Promosi Tahun Melawat Malaysia 2026 telah dilaksanakan sejak pelancaran logo serta lagu kempen pada Januari 2025. MOTAC turut mengadakan program pelancaran di ekspo-ekspo pelancongan dalam dan luar negara. Sebagai contoh, kempen VM2026 telah dilancarkan semasa *Kazakhstan International Travel Fair 2025* baru-baru ini.

MOTAC telah menyediakan video-video promosi bertujuan untuk memaparkan keunikan kepelbagaian destinasi, budaya, kraf, warisan serta makanan Malaysia. Video promosi ini dapat memberikan inspirasi kepada para pelancong untuk terus meneroka warisan, landskap semula jadi, menonjolkan destinasi-destinasi pelancongan baharu dan terkini supaya ia kekal segar dan relevan bagi menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa selari dengan *tagline* kempen iaitu *Surreal Experiences*. Video promosi ini bakal digunakan secara meluas di pelbagai platform dalam talian untuk kempen-kempen pengiklanan di pasaran domestik dan antarabangsa termasuk di media sosial dan media elektronik.

MOTAC juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengadakan libat urus Kempen VM2026. Objektif utama program ini adalah untuk memberikan penerangan menyeluruh mengenai Kempen VM2026, hala tuju perancangan strategik serta bantuan insentif Kerajaan yang disediakan oleh Kerajaan yang boleh dimohon oleh penggiat industri pelancongan khususnya di Pulau Pinang.

- (c) Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan untuk memastikan setiap lokasi pelancongan berada dalam keadaan selamat adalah seperti berikut:-
- (i) Penubuhan Unit Rondaan Basikal (URB) yang ditugaskan untuk meronda dan memantau di sekitar kawasan UNESCO serta memberikan pendidikan awam kepada pelancong agar mematuhi peraturan;
 - (ii) Penubuhan Unit Lancang Air (ULA) bertujuan untuk mengawal pantai dan aktiviti sukan air serta memastikan operator sukan air dan pelancong mematuhi peraturan dan keselamatan di pantai;
 - (iii) Pemantauan melalui teknologi kamera litar tertutup (CCTV) 24 jam bagi memantau keadaan dan sebagai sokongan bukti rakaman kepada pihak polis sekiranya terdapat kes jenayah;
 - (iv) Pengaktifan Ops Payung di beberapa lokasi *hotspot* tumpuan pelancong sempena cuti perayaan dan cuti sekolah yang panjang;

- (v) Ops rondaan di beberapa kawasan rekreasi tumpuan pelancong pada waktu malam seperti di Gurney Bay, Padang Kota dan Persiaran Karpal Singh;
- (vi) Menaik taraf laluan pejalan kaki dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town supaya lebih mesra pengguna, terutamanya untuk warga emas dan orang kurang upaya;
- (vii) Memantau keselamatan pelancong melalui pemantauan CCTV bagi tujuan pencegahan jenayah;
- (viii) Memastikan pencahayaan jalan sentiasa mencukupi dan berfungsi di kawasan tumpuan pelancong, lorong belakang, persimpangan kecil, dan sepanjang laluan pejalan kaki, terutamanya pada waktu malam;
- (ix) Memastikan kawasan pelancongan sentiasa bersih, tumbuhan landskap dan perabot taman diselenggara dan dijaga dengan baik untuk keselesaan dan keselamatan orang awam terutamanya di kawasan tumpuan pelancong, lorong belakang dan kawasan lapang dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang digunakan sebagai laluan alternatif yang selesa dan selamat kepada orang awam;
- (x) Memantau kejadian vandalisme di bangunan-bangunan warisan serta menambah baik Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dengan memperkenalkan '*street arts*' sebagai salah satu daya tarikan pelancongan;
- (xi) Memperindahkan kawasan awam dengan melaksanakan projek menaik taraf taman-taman dan laluan awam seperti projek pembinaan '*sea-wall*' dan projek revitalisasi '*Union Square*';
- (xii) Memantau keadaan bangunan-bangunan usang dan pokok-pokok liar yang boleh mengganggu persekitaran dengan mengeluarkan notis kacau ganggu kepada pemilik atau pemunya tanah yang terlibat;

- (xiii) Mempromosikan penggunaan aplikasi Pearl yang membolehkan pelancong mendapatkan peta laluan selamat, lokasi bantuan, dan maklumat serta tips keselamatan secara masa nyata;
- (xiv) Penggunaan pengangkutan awam juga amat digalakkan. MBPP menyediakan Perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) secara percuma dan dilihat penggunaan bas CAT meningkat saban tahun. MBPP dan pihak Rapid Penang berganding bahu untuk memastikan penggunaan bas awam dapat ditingkatkan dalam kalangan penduduk setempat dan pelancong;
- (xv) MBPP sedang berusaha untuk menyediakan fasiliti yang selamat untuk mempertingkatkan penggunaan basikal di Pulau Pinang oleh penduduk Pulau Pinang dan pelancong;
- (xvi) Projek-projek pelebaran jalan serta pelaksanaan sistem jalan sehalu untuk mengurangkan konflik lalulintas, melegakan kesesakan lalulintas serta meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya;
- (xvii) Tempat letak kenderaan bertingkat yang telah dibina telah menyelesaikan banyak masalah parkir di kawasan George Town. Antara lokasi-lokasi yang telah dibina tempat letak kenderaan bertingkat adalah di Lebuhraya Pantai, Lebuhraya Union dan Jalan Hutton; dan
- (xviii) Pemasangan papan tanda keselamatan terutamanya papan tanda larangan merokok dan larangan memberikan makanan kepada haiwan liar seperti monyet dalam kawasan taman.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

25. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu industri kreatif di Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan langkah untuk memastikan industri kreatif tidak ditenggelamkan oleh arus pemodenan.
 - (b) Apakah bantuan untuk melatih dan mengembangkan industri kreatif di Pulau Pinang?
 - (c) Apakah langkah-langkah untuk mempromosi industri kreatif di dalam dan di luar negara?

**YB WONG HON WAI MENJAWAB BAGI PIHAK
YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin terhadap perkembangan industri kreatif telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu industri ini berkembang maju iaitu:

(i) **Creative Digital District (CD²) @ George Town**

Projek perintis ini bertujuan untuk mengubah George Town menjadi hub inovasi yang memfokuskan pada teknologi digital dan industri kreatif. CD² akan menjadi pusat bagi ekonomi digital, industri kreatif, syarikat permulaan (*start-up*), serta destinasi untuk gaya hidup, budaya, seni dan pembelajaran.

(ii) **Digital Penang**

Agensi kerajaan negeri ini berperanan penting dalam memacu digitalisasi Pulau Pinang termasuk menyokong syarikat permulaan teknologi dan industri kreatif melalui program ideas, pemecut (*accelerator*), akses pasaran dan kerjasama strategik. Mereka juga membantu Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) dalam meningkatkan kemahiran digital dan penjenamaan.

(iii) **Penang Digital Library**

Kerajaan Negeri telah membangunkan perpustakaan digital dengan dua fasa yang menyediakan akses kepada pelbagai sumber digital dan ruang pembelajaran yang kondusif.

(iv) **Sokongan kepada PMKS dalam Industri Kreatif**

Kerajaan Negeri melalui agensinya berusaha untuk membantu PMKS tempatan dalam industri kreatif untuk berdaya saing di peringkat global termasuk dalam aspek pendigitalan dan peningkatan kemahiran.

(v) **Mempromosikan Pulau Pinang sebagai Hub Kreatif**

Melalui pelbagai acara dan inisiatif, Pulau Pinang berusaha untuk menjadi hub kreatif dan inovasi di rantau ini, menarik bakat dan pelaburan dalam sektor ini.

(a) Beberapa langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan industri kreatif tidak ditenggelamkan oleh arus pemodenan adalah seperti berikut:

(i) **Memanfaatkan Teknologi Digital**

- 1) Creative Digital District (CD²) @ George Town;
- 2) Digital Penang; dan
- 3) Penang Digital Library.

(ii) **Memelihara Keunikan dan Identiti Budaya**

- 1) Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang
- 2) Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang
- 3) Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang

(iii) **Membangun Ekosistem yang Menyokong**

- 1) Ruang Kreatif dan Kolaborasi; dan
- 2) Sokongan kepada PMKS.

(vi) **Membangun Jaringan dan Pasaran**

Mempromosikan Pulau Pinang sebagai Hub Kreatif; dan

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi-agensi kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif dan program yang bertujuan untuk melatih dan mengembangkan industri kreatif di negeri ini. Antaranya adalah seperti berikut:

(i) **Program dan Inisiatif Digital Penang**

- 1) Pelatihan Kemahiran Digital;
- 2) Program Pemecut (*Accelerator*) dan Inkubasi; dan
- 3) Bengkel dan Seminar.

(ii) **Inisiatif Creative Digital District (CD²)**

- 1) Pusat Pembelajaran dan Inovasi; dan
- 2) Ruang Kolaborasi dan Pertukaran Ilmu.

- (iii) **Sokongan Balai Seni Lukis Pulau Pinang**
 - 1) Bengkel Seni; dan
 - 2) Pameran dan Platform untuk Seni
 - (iv) **Kerjasama dengan Institusi Pendidikan.**
 - (v) **Bantuan Kewangan dan Geran.**
- (c) Langkah yang diambil untuk mempromosi industri kreatif di dalam dan luar negara adalah dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai Hub Kreatif melalui penganjuran pelbagai acara kreatif antarabangsa seperti Georgetown Festival, Georgetown Literary Festival dan Butterworth Fringe Festival. Penglibatan peserta antarabangsa dalam acara ini telah menjadikan Pulau Pinang sebagai hub kreatif baharu di rantau ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

26. Apakah dasar Kerajaan Negeri berkaitan pengambilan pelatih industri (intern) di agensi kerajaan dan GLC?
- (a) Adakah pelajar tempatan diberi keutamaan dalam program latihan industri (internship)?
 - (b) Berapakah jumlah elaun minimum yang ditetapkan untuk pelatih industri?
 - (c) Apakah mekanisme pemantauan untuk memastikan pelatih industri dibayar dengan adil?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Dasar Kerajaan Negeri berkenaan pengambilan pelatih industri (intern) di agensi kerajaan adalah berdasarkan kepada surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), rujukan JPA(L)S. 175/4/4-2 Klt.4(21) bertarikh 6 September 2019, bertajuk Ketetapan Bayaran Elaun kepada Pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang Mengikuti Latihan Amali/Praktikal di Sektor Awam.
- (a) Hanya pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan di dalam dan luar negara yang menjalani sesi latihan amali/ praktikal di dalam negara sahaja yang diambil untuk program latihan industri/ amali/ praktikal di agensi kerajaan, seperti ketetapan dalam surat JPA bertarikh 6 September 2019. GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) turut memberi

keutamaan kepada pelajar tempatan, khususnya mereka yang berasal dan menuntut di institusi pendidikan di Pulau Pinang, sama ada di peringkat diploma atau ijazah. Keutamaan turut diberikan kepada pelajar yang mengikuti jurusan yang selaras dengan bidang utama operasi GLC berkenaan.

- (b) Bagi agensi kerajaan, kadar bayaran elaun pelajar adalah sebanyak RM5.00 sejam (8 jam sehari) bagi hari bekerja dan terhad kepada 90 hari sahaja, selaras dengan kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan JPA. Perbelanjaan ini perlu menggunakan peruntukan sedia ada agensi sahaja. Bagi GLC, bayaran elaun yang diberikan kepada pelatih industri adalah berbeza di antara GLC iaitu di antara RM300.00 hingga maksimum RM1,500.00 dan menggunakan garis panduan GLC masing-masing.
- (c) Agensi kerajaan dan GLC perlu memantau dan perlu mematuhi kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan JPA seperti yang dinyatakan di para (b). Bagi GLC, pemantauan dibuat oleh Jawatankuasa Sumber Manusia GLC masing-masing yang bertanggungjawab mengeluarkan surat tawaran yang akan memaklumkan berkenaan kadar elaun yang akan dibayar, tempoh masa bertugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pelatih.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

27. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesedaran kesihatan mental (mental health)?
- (a) Adakah kaunselor disediakan di klinik awam?
 - (b) Bagaimanakah program kesedaran dijalankan?
 - (c) Apakah kerjasama dengan NGO kesihatan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Kesihatan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kesihatan Mental yang melibatkan semua agensi berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi berkongsi sumber serta kepakaran dalam menjalankan program kesihatan, khususnya dalam bidang kesihatan mental. Melalui usaha ini, sinergi antara sektor kerajaan dan NGO dapat diperkukuh demi meningkatkan keberkesanan intervensi kesihatan dalam komuniti.
- (a) Di Negeri Pulau Pinang, terdapat 15 orang Pegawai Psikologi (Kaunseling) KKM bertugas di klinik kesihatan kerajaan yang mana ditempatkan di setiap daerah.
 - (b) Program Kesedaran Kesihatan Mental dijalankan melalui pelbagai pendekatan yang disesuaikan mengikut komuniti sasaran dan matlamat program. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sentiasa mengadakan kempen pendidikan dan promosi awam melalui ceramah, bengkel dan

forum.

Pada Sambutan Hari Kesehatan Mental Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024, JKNPP telah menganjurkan forum pada 24 Oktober 2024 di Wisma Perkeso, Seberang Jaya, Pulau Pinang. JKNPP juga telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan serta agensi berkaitan bagi memberi latihan kepada guru dan guru kaunselor, majikan, dan sukarelawan supaya mereka dapat mengenal pasti tanda awal masalah kesihatan mental.

Pendekatan lain juga adalah melalui penggunaan media massa dan media sosial. Maklumat berkaitan masalah mental disalurkan melalui radio Mutiara FM dan laman *Facebook*. Bahan bercetak dan digital seperti poster, risalah, infografik atau e-buletin turut disediakan untuk diedarkan di sekolah, tempat kerja, klinik dan lokasi awam. Maklumat khusus mengenai kesihatan mental juga terdapat di talian bantuan seperti Talian *Heal* 15555, Talian Kasih dan *Befrienders*.

JKNPP juga menyediakan akses mudah kepada perkhidmatan kaunseling atau psikiatri. Perkhidmatan diberi bukan sahaja di hospital, malahan di klinik kesihatan. Program Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) ialah inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental berasaskan komuniti serta membantu integrasi semula individu yang mengalami masalah kesihatan mental ke dalam masyarakat. Terdapat dua pusat MENTARI di Negeri Pulau Pinang, iaitu MENTARI di Butterworth dan MENTARI Timur Laut di Jalan Perak yang baru dilancar pada tahun 2022.

(c) Antara rakan strategi JKNPP dengan NGO berkaitan kesihatan mental adalah Minda D'Home, Befrienders Penang, Persatuan i-Life Suicide Prevention Association, Women's Centre for Change, Pusat Perkhidmatan Wanita, National Autism Society Malaysia, Pertubuhan Kebajikan SNEHAM Malaysia, Pusat Perkhidmatan Wanita, Penang Women's Development Cooperation, Penang Green Council dan Persatuan Demensia Pulau Pinang.

Kolaborasi ini bertujuan untuk memantapkan penggunaan sumber yang sedia ada secara lebih berkesan dan bersepadu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

28. Nyatakan jumlah pelancong kesihatan yang diterima ke Pulau Pinang.
- (a) Sepanjang tahun 2024 dan sehingga Mac 2025.
 - (b) Nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk mempromosikan sektor ini.
 - (c) Nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong kesihatan yang memberikan pendapatan kepada ekonomi Pulau Pinang.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Berdasarkan data daripada 17 buah hospital yang menganggotai *Penang Centre for Medical Tourism* (PMED), jumlah pelancong kesihatan yang direkodkan pada tahun 2024 adalah seramai 410,055 orang. Manakala bagi tahun 2025 (Januari hingga Mac), jumlah pelancong kesihatan yang direkodkan adalah seramai 92,913 orang.
- (b) Kerajaan Negeri mempromosikan sektor ini melalui beberapa kaedah seperti berikut:
- (i) Mengadakan jerayawara (*roadshows*) dan pameran di negara-negara yang berjiran dengan Malaysia seperti Indonesia, Thailand, China dan Singapura;

- (ii) Bekerjasama dengan bank dan pengeluar kad kredit untuk mempromosikan Pulau Pinang di laman web dan platform mereka dengan memberikan promosi, diskaun dan tawaran yang istimewa. Selain itu, institusi perbankan ini membuat hebahan kepada pelanggan dan kakitangan bank serta persatuan-persatuan perdagangan;
 - (iii) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk menawarkan harga tiket yang istimewa di laman web tempahan mereka untuk tujuan pelancongan kesihatan dan berbincang untuk membuka lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang; dan
 - (iv) Bekerjasama dengan negara Indonesia bagi penerimaan kod *Quick Response Indonesian Standard* (QRIS) untuk memudahkan bayaran dalam mata wang Rupiah untuk pelancong kesihatan Indonesia.
- (c) Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedang dijalankan dan ini akan memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pelancong perubatan yang tiba di Pulau Pinang. Selain itu, pelancaran projek MRT juga akan menyokong pergerakan pelancong perubatan setelah ianya siap dilaksanakan nanti.

Negara Indonesia merupakan pasaran pelancongan perubatan yang terbesar bagi Negeri Pulau Pinang. Sehingga Mac 2025, terdapat 73 penerbangan terus seminggu antara Indonesia dan Pulau Pinang, termasuk 45 penerbangan dari Medan, 21 penerbangan dari Jakarta, 3 penerbangan dari Surabaya dan 4 penerbangan dari Bandar Aceh. Kebolehcapaian yang mudah ini telah menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelancong perubatan Indonesia.

Pulau Pinang juga mempunyai penerbangan terus dengan 20 bandar antarabangsa. Destinasi penerbangan ini adalah dari Asia Tenggara, Timur Tengah, *Greater China* dan India. Melalui pengenalan banyak penerbangan terus dalam tempoh 2 tahun ini, maka Pulau Pinang mempunyai potensi untuk mengembangkan lagi tarikan pelancong kesihatan dari negara-negara lain.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

29. Senaraikan langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk membanteras kegiatan mat rempit dan lumba haram di Pulau Pinang.
- (a) Apakah perancangan jangka pendek yang sedang dilaksanakan?
- (b) Apakah strategi jangka panjang bagi menangani isu ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian berkaitan kegiatan mat rempit dan lumba haram di Pulau Pinang. Sehubungan itu, melalui Jawatankuasa MMK Belia, pelbagai program bagi memberi pendedahan kepada belia berkaitan bahaya kegiatan ini telah dilaksanakan seperti program Santai Anak Utara dan sebagainya.
- (a) Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan pelbagai strategi jangka pendek bagi menangani masalah lumba haram. Antaranya adalah:
- (i) Mengadakan sekatan jalan raya secara berterusan di lokasi tumpuan, khususnya pada malam Sabtu dan Ahad dari jam 11 malam hingga 5 pagi;
- (ii) Operasi bersepadu turut dijalankan bersama agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS); dan

- (iii) PDRM juga telah menubuhkan pasukan khas untuk menjalankan risikan serta menangkap penunggang motosikal yang terlibat dalam kegiatan lumba haram mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- (b) Bagi menangani isu keselamatan jalan raya dan salah laku pengguna, PDRM telah merangka beberapa strategi jangka panjang. Antaranya adalah:
 - (i) Operasi bersepadu bersama JPJ, JAS, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terhadap premis yang mengubah suai motosikal serta penguatkuasaan mengikut undang-undang;
 - (ii) PDRM juga bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi menambah baik reka bentuk jalan supaya tidak dijadikan lokasi perlumbaan haram; dan
 - (iii) Selain itu, rondaan dan sekatan jalan raya dilaksanakan secara intensif pada hujung minggu dan cuti umum.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVI)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

30. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kos makanan untuk rakyat Pulau Pinang?
- (a) Adakah program seperti Jualan Rahmah MADANI akan ditingkatkan daripada dua kali sebulan?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyokong pengeluar tempatan Pulau Pinang untuk menstabilkan harga makanan?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan pasar rakyat dengan harga kawalan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) sebanyak dua (2) kali sebulan bagi setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen. Ia dilaksanakan sebagai inisiatif bagi membantu golongan B40 dan ke bawah untuk mendapatkan barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan. PJRM ini menawarkan harga diskaun bermula daripada 10 hingga 30 peratus serta lebih berpatutan daripada harga pasaran biasa. Program ini dijangka berterusan di seluruh negeri sehingga Disember 2025. Jumlah keseluruhan PJRM yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang sehingga 30 April 2025 adalah sebanyak 592 kali.

- (a) Tidak. Pelaksanaan PJRM akan kekal dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sebulan bagi setiap Kawasan DUN mengikut arahan dan garis panduan PJRM yang telah ditetapkan oleh KPDN.
- (b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara khususnya dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan langsung kepada harga makanan. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membantu meringankan beban rakyat termasuk meluaskan akses rakyat kepada barangan keperluan asas pada harga yang lebih berpatutan. Inisiatif yang telah dilaksanakan melalui jabatan/agensi berkaitan adalah seperti yang berikut:
 - (i) Program Jualan RAHMAH MADANI yang dilaksanakan dua (2) kali sebulan di lokasi strategik di seluruh negeri;
 - (ii) Program Promosi dan Jualan Terus Produk Usahawan Industri Asas Tani (IAT) yang memberi peluang kepada usahawan tempatan memasarkan produk mereka secara langsung kepada pengguna tanpa melalui orang tengah serta menawarkan harga yang lebih kompetitif;
 - (iii) Program Pertanian Bandar dan Komuniti bagi membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan; dan
 - (iv) Pembukaan *outlet* jualan terus dari ladang bagi memendekkan rantai bekalan dan mengurangkan harga kepada pengguna akhir.
- (c) Pasar rakyat sedia ada di seluruh Negeri Pulau Pinang beroperasi dengan menggunakan harga kawalan seperti yang telah digariskan oleh pihak KPDN di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Pihak KPDN juga akan memantau dan melakukan tindakan penguatkuasaan kepada pengusaha yang ingkar terhadap arahan ini termasuk jualan pada musim perayaan.